



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
JABATAN KOMUNIKASI KOMUNITI

SIARAN MEDIA

SMK TENGKU MENTERI TERIMA MANFAAT PROJEK SEKOLAH ANGKAT MADANI J-KOM

Changkat Jering, 13 Februari 2026 – Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) hari ini melancarkan Projek Sekolah Angkat MADANI Tahun 2025 di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tengku Menteri sebagai satu inisiatif strategik Kerajaan MADANI yang memberi tumpuan kepada pembangunan sosial dan ekonomi di peringkat sekolah serta pemerksaan komuniti pendidikan luar bandar.

Majlis peluncuran dan penyerahan projek tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Ismail bin Yusop, Ketua Pengarah J-KOM. Beliau dalam ucapannya berkata bahawa Projek Sekolah Angkat MADANI merupakan usaha bersepadu untuk memperkasa komuniti sekolah, mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif serta melahirkan murid yang seimbang dari segi akademik, sahsiah dan kemahiran insaniah. Inisiatif ini selaras dengan agenda MADANI yang mengutamakan pembangunan holistik dan kesejahteraan rakyat.

Projek Sekolah Angkat MADANI J-KOM dengan peruntukan keseluruhan sebanyak RM100,000 merangkumi pelbagai usaha menaik taraf kemudahan di sekolah ini. Antara projek yang dilaksanakan ialah:

- **Penyediaan Fasiliti Kondusif** – Mewujudkan ruang pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang selesa, interaktif dan inovatif;
- **Kecergasan Fizikal** – Menambah baik peralatan sukan bagi menyokong aktiviti fizikal serta kesihatan murid;
- **Pemerksaan Digital** – Menyediakan peralatan ICT moden bagi meningkatkan kemahiran digital dalam kalangan warga sekolah; dan
- **Pembangunan STEM** – Memperluas akses kepada pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) bagi melahirkan murid berpengetahuan serta berkemahiran tinggi.

Inisiatif ini bertujuan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif, sekali gus meningkatkan pencapaian akademik, sahsiah dan kemahiran insaniah murid, selaras dengan aspirasi Kerajaan MADANI.

Projek ini dijangka memberi manfaat kepada lebih 600 orang termasuk pelajar, guru dan kakitangan sekolah sekaligus mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam memastikan pembangunan pendidikan yang inklusif, mampan dan menyeluruh.

**Dikeluarkan oleh:
Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM)**